

**NAJIB PINJAM LAGI**  
**Chedet.cc**  
**19 December 2016**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Najib isytihar pinjaman sebanyak 55 billion Ringgit dari sebuah syarikat di masa lawatannya ke China.2. Pinjaman ini adalah untuk membangunkan landasan keretapi letrik di Pantai Timur.
3. Kerajaan Najib telah pun pinjam 42 billion Ringgit untuk 1MDB. Kerana tidak membayar faedah dan pokok, hutang ini meningkat kepada lebih 53 billion Ringgit. Tidak ternampak sedikit pun pelaburan yang memberi keuntungan yang boleh diguna untuk bayar hutang. Sudah tentu jika tidak dibayar faedah hutang ini akan meningkat lagi.
4. Najib juga merancang untuk mengadakan keretapi kelajuan tinggi antara Singapura dan Kuala Lumpur. Untuk projek ini Najib perlu hutang lebih kurang 50 billion Ringgit lagi.
5. Jumlah semua melebihi 160 billion.
6. Kita tidak diberi maklumat tentang pelaburan 1MDB selain dari kerugian membeli stesen janakuasa dan menjualnya kepada syarikat China dengan kerugian yang besar.
7. Tetapi berkenaan pinjaman sebanyak 55 billion untuk landasan keretapi, kita boleh ramal ke mana akan perginya wang 55 billion ini.
8. Kalau benar kos landasan Pantai Timur ialah 55 billion, yang akan dapat keuntungan ialah kontraktor asing yang tentu akan membangun projek ini.
9. Mereka akan membawa masuk segala bahan teknologi, pekerja dari negara mereka. Projek ini akan ambil masa sekurang-kurangnya 7 tahun, mungkin lebih. Pekerja mereka, seramai puluhan ribu mestilah di tempat di sini, khusus di Kelantan, Terengganu dan Pahang.
10. Kos semua ini akan diperolehi hampir semuanya oleh kontraktor luar negeri. Jadi wang yang dipinjam dari syarikat negara China akan kembali ke sana.
11. Di masa yang sama bayaran hutang sebanyak 55 billion dengan faedah akan kembali ke negara itu juga. Mungkin pembayaran akan ambil masa 30 tahun atau lebih. Jumlah bayaran bersama dengan faedah selama 30 tahun akan meningkat kepada 90 billion Ringgit.
12. Kemudian datang keperluan membeli "rolling stock" iaitu gerabak-gerabak elektrik yang akan menelan belanja berbillion lagi. Sekali lagi wang berbillion akan mengalir keluar negeri.
13. Pekerja luar yang dibayar gaji di sini akan hantar separuh balik ke negara mereka. Sekali lagi wang kita akan mengalir keluar negeri.
14. Sepatutnya bayaran balik semua ini, hutang, kontrak, alatan untuk landasan dan gerabak elektrik datang dari keuntungan operasi keretapi pantai timur. Bolehkah kita dapat cukup pendapatan menjual tiket keretapi atau muatan barangan antara pantai barat dengan pantai timur?

15. Kata orang Kelantan lebih murah dan lebih cepat jika penerbangan low cost diguna untuk berjalan antara Pantai Timur dengan bandar-bandar di Pantai Barat.
16. Jika tiket keretapi Pantai Timur dijual dengan harga yang tinggi mungkin ramai yang akan pilih penerbangan.
17. Jika harga tiket rendah keuntungan mungkin tidak diperolehi.
18. Jadi hutang dan kos serta kerugian perlu ditanggung oleh Kerajaan dari dana campuran atau consolidated Fund.
19. Tetapi hari ini Kerajaan tidak ada duit. Lagi pun nilai Ringgit jatuh teruk – bermakna lebih banyak Ringgit diperlukan untuk membayar hutang dengan Dolar Amerika atau Yuan. Dari manakah duit ini akan datang. Hutang lagi atau naikkan cukai dalam negeri dan GST. Dan ini akan membebankan rakyat dengan kos sara hidup yang melambung tinggi.
20. Ya. Memang rancangan keretapi Pantai Timur adalah projek gilang dan gemilang. Yang tidak gilang gemilang ialah beban hutang. Rakyat Malaysia yang akan tanggung beban ini berpuluh tahun.

22 thoughts on "NAJIB PINJAM LAGI"



1. [Log in to Reply umranrc](#) Dec 20, 2016 3:39 PM

Salam Tun,

Siapa yang ada duit cash untuk memulakan perniagaan? Ya, mungkin ada tetapi jumlahnya amat sedikit. Dan sekira seseorang atau sesebuah entiti itu punyai dana tersimpan, bagaimanakah caranya untuk memperkembangkan dana ini? Ya, salah satu caranya adalah dengan memberi pinjaman berbunga atau dengan cara yang lebih baik lagi dengan menjadi rakan kongsi perniagaan yang akan dilangsungkan.

Entiti yang bakal menghulurkan pinjaman atau dana perkongsian ini perlu kepada pelbagai penyata yang menunjukkan kebolehan perniagaan atau projek yang bakal dilaksanakan mampu memberi pulangan yang sepatutnya.

Adakah kajian terperinci telah dilakukan untuk projek-projek ini? Jangan dilupa, oleh kerana ada laluan alternatif lain, bolehkah harga-harga perkhidmatan yang bakal dikenakan pada para pengguna untuk memastikan pulangan pinjaman serta bunga dan keuntungan menjadi saingan yang baik terhadap apa yang ada sekarang ini? Jika ianya terlalu tinggi, sudah semestinya ia akan menjadi beban yang sia-sia kepada Rakyat.

Semasa gabungan Tun dan Dato' Sri Anwar menjaga kewangan Negara, kita boleh lihat hutang Negara menurun tahun demi tahun dari 1992 hingga 1997. Dalam pada itu perancangan pembangunan terus pesat dijalankan dan membuah hasil yang boleh dilihat sehingga sekarang. Diakhir tahun 1997, tahukah kita hutang luar Negara berada hanya pada 98 billion! Ini jauh lebih baik dari mana-mana Negara serantau Asia ini kecuali Brunei.

Pada masa inilah kita amat-amat berbangga menjadi Rakyat Malaysia. Diserata dunia, bila mana kita ditanya dari mana kita datang, dengan bangganya kita boleh nyatakan. Dan soalan berbalik berbentuk pernyataan daripada pihak yang bertanya, "oh Malaysia? You have such a wonderful Country!".

Indahnya kenangan-kenangan ini! Tetapi realitinya sekarang ini, teramatlah sedihnya.

Terima Kasih Tun.

2.  [Log in to Reply sibotak](#) Dec 20, 2016 3:20 PM

Saya pernah lihat cerita Cina

Bagaimana Emperor China ketika dahulu

Tidak membenarkan pihak British membangunkan Landasan Kereta Api di tanah air China walau pihak British menghadihkan Emperor tersebut senjata Mesin Gun automatik yg Bakal Memperkuatkan status Emperor tersebut bagi melawan pihak musuh Emperor pada masa tersebut

Lihat betapa Bijak , Cermat juga Prihatin Emperor tersebut menolak tawaran British Sebab beliau percaya membawa British ke Tanah Air Cina akan dan Bakal mengugatkan lagi Keamanan

Kerharmonian juga lambat laun China bakal di Jajah yg kononnya Kawan

Najib Tidak Fikir ini semua

Mengundang British di kalangan penasihat di Putra Jaya

Najib memang mengundang SIAL

Begitu juga mengundang anasir luar walau beralasan ekonomi juga akan mengundang Padah

Budaya kita , Kita Selimuti

Budaya mereka kita hormati

Sejelasnya Najib memang tidak layak membuat apa Keputusan untuk Malaysia

3.  [Log in to Reply Fender](#) Dec 20, 2016 3:07 PM

The country is sinking deeper and deeper into debts as so many got their hands into the Treasury over the years. It did not start with the current leaders but they certainly dig deeper. Can we really stop the rot and save Malaysia? We have to do our part. Unless the Malays especially in rural areas wake up and turn away from the BN government, there is no chance. Sabah and Sarawak are the two deposit states for BN and these two states are crucial to our struggle. But Sarawak is almost unshakable and CM Adegan chooses to remain in BN. Again only God can help us for miracles to happen.

4.  [Log in to Reply Eye Mask](#) Dec 20, 2016 3:07 PM

Assalamualaikum Dr. Tun.

Apa sudah jadi negara kita sekarang ini, macam mana golongan muda seperti kami bersuara untuk menyedarkan pemimpin dan barisan kabinet yang sedia ada.

1. Peruntukkan dana pengurusan di universiti/sekolah telah dipotong dengan banyaknya manakala peruntukkan untuk permata pintar yang di naungi oleh kak Mah telah bertambah, tetapi apa gunanya dana permata pintar ini disalurkan tidak ada apa2 faedahnya saya lihat. Anak pintar ini memang sedia ada pintar sbb pengaruh dan didikan ibu bapa zaman alaf kini kebanyakan berkerjaya. Adalah lebih bagus dana ini di salurkan kepada bidang pendidikan sedia ada yang terbeban pengurusan kewangan. Atau pun di salurkan kepada taska-taska tadika kemas/pra sekolah yang rata2 ramai ibu bapa kurang berkemampuan menghantar untuk mendapatkan pendidikan awal secara formal dan tidak formal. Rugi dilihat dana permata pintar ini, dilihat tidak ada signifikan dan tidak ada penyumbang kepada pendidikan sedia ada kerana apa, sebahagian anak2 ini mendapat peluang dan bukannya menyeluruh semua anak2 kita ini. Kepada ibu bapa yang ghairah menghantar anak2 mereka masuk permata pintar ini, baik fikir sejenak, adalah lebih baik dana ini digunakan sama rata semua anak2 generasi kita masa akan datang. Bukan itu sahaja, dilihat di semua universiti/politeknik untuk kelangsungan pengurusan. Kenapa perkara ini harus berlaku, sampai terpaksa membuat penjimatan perbelanjaan pengurusan dan terpaksa menjana pendapatan dan sampai bila kita berhadapan situasi ini. Termasuk juga kewujudan ipts swasta yang tumbuh macam cendawan tanpa ada2 kawalan dilihat kini. Perlukah universiti luar di bangunkan di negara kita sedangkan kita mempunyai IPTA sedia ada yang mampu memberikan pendidikan terbaik kepada generasi kita. Kadang kala berlaku, penyelewengan dan rahsua di kalangan penjawat awam.. memang benar belaku untuk merebut tender2 kerajaan. semua ini kroni pemimpin mereka juga dpt masuk dan sekiranya tidak diberi akan mengundang nahas kepada penjawat awam sedia ada. Kesian juga, masalah seumpama ini berluasa, dan tidak ada pun langkah untuk memperbetulkan. Di harapkan rakyat kita sedar dan akan ada banyak point kepincangan pentadbiran kita lihat sehigga kini.

Sampai bila kita harus bersabar...

5.  [Log in to Reply anti rasuah](#) Dec 20, 2016 2:30 PM

Assalamualaikum Tun.

Saya beranggapan jelas Najis Razak akan membawa malapetaka besar dalam soal "keberhutangan negara untuk tempoh yang panjang".

Andai kata PRU14 kita berjaya gulingkan Najis sekali pun, sudah pasti pemimpin akan datang terpaksa "mencuci tahi" Najis khususnya membayar hutang negara yang mengambil masa tempoh 30 tahun dari sekarang.

Orang bodoh kalau jadi pemimpin, inilah sudahnya.

Dari kecil tak nak mampos, sudah besar menyusahkan orang saja.

Wassalam.

6.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Dec 20, 2016 10:52 AM

Assalamualaikum, Tun.

Ingin saya bangkitkan, yang lebuhraya di Semenanjung tertakluk kepada bayaran tol. Apa pula dengan Pan Borneo Highway? Macam mana pula dengan pulangan untuk menanggung pembayaran balik hutang?

Kenalah kita berfikir waras dan adil. Dalam pada orang-orang Semenanjung tengah risau tentang kenaikan tol, kerajaan membuat peruntukan, hanya atas pertimbangan kepentingan politik.

Baik pemimpin kita meletakkan kepentingan Negara dalam jangka panjang keutamaan dalam projek-projek pembangunan.

7.  [Log in to Reply Fariq Islam](#) Dec 20, 2016 10:45 AM

Assalamualaikum, Tun.

Haruslah kerajaan mempertimbang sama ada pulangan projek-projek ini mampu menampung pembayaran balik hutang.

Yang membimbangkan Rakyat sekarang ialah kesan-kesan susulan pinjaman berat. Dalam ketandusan duit, kerajaan mungkin memotong subsidi, mengenakan caj berat ke atas perkhidmatan agensi kerajaan dan sebagainya. Kos hidup semakin hari semakin tinggi.

Nilai matawang telah jatuh ke tahap paling rendah buat sejarah Malaysia.

Apakah polisi kerajaan memberi sedekah BR1M betul memandangkan hutang Negara yang teruk sekali? Hadkan pemberian kepada warga mas. Pemuda-pemudi kita harus digalak berusaha gigih dan tekun mencari hidup.

8.  [Log in to Reply sibotak](#) Dec 20, 2016 5:21 AM

Najib memang mempunyai cita cita tinggi

Terserlah apabila sesoarnng berpendirian Cash is King

Orang inilah Berlman rendah

Cash is King lebih pada Sifat Kafir juga budaya Iblis

Yg bergantung pada Duniawi ,Bertungkus lumus memperhambakan Kebendaaan

Lebih dari bertakwa, menyembah , berserah , berusaha , berdoa seterusnya menyerah pada Illahi

Cash is King adalah Sifat & Budaya Setan

Maka Ribak , Pejudian , Pinjaman ,Penyelewengan & anasir yg tidak Bermoral akan menuju kepada Kehancuran

Justeru lahirlah Penyundalan di kalangan Masyarakat , Perompakan secara Terangan

& Perbagai lagi . Contohnya yg terbukti adalah Najib sendiri & Keluarga Merompak secara terang , sudah pun berani buat Video bermenu Lucah

Najib nampak sahaja Maju tetapi sebenarnya Tidak  
Project 1MDB Gagal macamanapun Najib bolih mampu nak memastikan project Railway atau sebagainya yg lebih Besar akan Berjaya. Dengan Berhutang pula tu  
Memang muka Najib memang muka suka Berhutang  
Bukan tak bolih project Besar , bukan tak boih Berhutang  
Tapi mesti tahu Kemampuan nya  
Janganlah si Jamil berbini 3 kita pun nak berbini 3  
Kena ukur Badanlah Bro...Kita hutang dah berlambak  
Jangan sampai kena tangkap sampai kat Betis langsung nanti taklih Bergerak  
Jangan Boros sampai nanti nak Berak pun takda Tahi  
Seks Bro ! Alah alah Biasa saja dah lah ...bro

Ini Mak Timah , Pak Hitam nasib orang kita masih niaga Goreng Pisang , Mee Rebus , Nasi Campur , Si budak Atan kasihan bro ,niaga Burger Ramly di Kaki Lima ,di Tepi Jalan  
MENGEMIS & MEREMPAT di Tanah sendiri  
Tiba tiba kau nak buat projet Besar dengan China  
Terperanjaklah Mak Timah , Pak Hitam , Budak ATan tu ...si Milah tu ..tunggu kena pinang je  
Itu pun kalau laku , kalau tidak Adik Dara si Milah kenalah buka sara hidup sendiri  
Silap hari bulan si Milah kena Kangkang sebab Kemampuan bagi menempuh hidup yg terencat akal mengejutkan mereka.Lainlah jika mereka sudah Bersedia macam Kaum Cina juga Orang Singapura  
Jadi tujuan ini semua untuk siapa ?  
Oi untuk Siapa.... Jib ?

Jangan nak fikir tembolok sendiri Jib  
Kena ukur Badan dulu , Badan kau ok lah  
Halal Haram pun kau dah tak Kenal...tapi renungkanlah Pengelutan Orang Melayu  
Yg masih kertinggalan , masih bereban ayam berniaga di kaki lima ,di tepi jalan  
di tepi bangunan si pendatang yg lebih pada Tuan Rumah  
Jangan ikut Sedab sendiri Jib  
Perbaiki dahulu nasib orang kita , barulah  
Kau nak beli bulan ke bintang ke serupa Kafirun  
Itu kau punya Fasal

Pinjam 100 percents dapat 2 percent macam si adik Eton pun jadilah ....  
Siapa nak kasi kan , Jib ?  
Tapi Adik Eton dapat 20cents saja ....kau 2 percent dari Berbillion  
Bermakna ..... Wow !

9.  [Log in to Reply rimba.emas](#) Dec 19, 2016 11:43 PM

Salam Tun.

1. Dari apa yang Tun katakan bermakna HUTANG akan bertambah dan akan menyebabkan hutang kerajaan dengan tanggungan luar jangka akan dengan mudahnya melampaui HAD HUTANG yang ditetapkan.
2. Sinario ini diterjemahkan Rimba Emas lebih memihak apa yang di katakan Tun Daim (Rimba Emas masuk perbankan ketika Tun Daim Menteri Kewangan) daripada balasan Timbalan Menteri Kewangan sekarang.
3. HUTANG bukan bergantung pada dulu atau kini tetapi atas faktor cara pengurusannya.
4. Membangga asas ekonomi yang kukuh seperti dakwaan RM1.3 trillion KDNK yang mana kebanyakan di jana oleh HUTANG.
5. Dikatakan kadar BELANJAWAN dengan pinjaman melebihi 90% serta pendapatan yang di pungut 90%nya untuk kos operasi.
6. Ditambah pula kadar hutang korporat di luar sektor kewangan lebih 105% daripada KDNK. Juga kadar hutang isi rumah sudah tertinggi dirantau ini. Di tambah kesempitan akibat peningkatan kadar gaji yang perlahan, PENINGKATAN KOS SARA HIDUP, TIADANYA SUBSIDI DAN NILAI MATA WANG RINGGIT YANG LEMAH.
7. Mungkin yang di sampaikan cara bertulis kurang memahami rakyat yang sibuk dengan kerja harian atau bahasa yang di gunakan seperti lestari, integriti kurang di fahami.
8. Sebenarnya apa yang hendak di bagi tahu kepada rakyat bawahan bahawa perlu di lakukan PERUBAHAN PADA PUCUK PIMPINAN DENGAN YANG LEBIH JUJUR (INTEGRITI).
9. Mengurus ekonomi dengan cara yang tidak kekal atau asli (Lestari) penuh resiko .
10. Untuk menukar pimpinan yang menyalah guna kuasa undang-undang negara dengan bantuan penguatkuasa yang melindungi jenayah tidak lain ada melalui peti X undi.
11. APA YANG DI BERI OLEH BN:-  
 CUKAI GST – RAKYAT BAYAR  
 KURANG SUBSIDI – KURANG BANTUAN  
 KENAIKAN TOL- RAKYAT BAYAR  
 KERETA API- RAKYAT BAYAR TAMBANG  
 PEMBANGUNAN-KENA BAYARAN  
 Maknanya semua kena bayar.
12. USAHA PPBM DAN PAKATAN:-  
 HAPUS GST-SATU BEBAN RAKYAT DI KURANGKAN  
 KEBEBASAN BADAN KEHAKIMAN- RAKYAT DAN PEMIMPIN ADALAH SAMA PADA  
 DAN INSTITUSI KESELAMATAN MATA KEHAKIMAN  
 NEGARA.Maknanya di kurangkan beban rakyat
- 13 Jadi yang mana lebih baik,

---

PADA KERTAS UNDI:- BN [ ]

Wallahua'lam.



10. [Log in to Reply](#) **sibotak** [Dec 19,2016 10:03 PM](#)

Hai Jib

Jika China dah tak bolih pinjam , pergi lah India pula  
Dapat saup 2 percent untuk peribadi happy happy , dah lebih dari cukup

Asik TerHutang Budi je..... Jib  
Tak pe lah , nanti besok kena gadai Body , Jib  
Body Jin pun banyak Lemak



11. [Log in to Reply](#) **sibotak** [Dec 19,2016 9:57 PM](#)

Tabiah Najib memang suka Memimjam  
Sebelum jadi PM pasti istilah peribadi Najib suka memimjam bagi membuat segala tebusan  
Pinjam sana sini , Tebus sana Tebus sini  
Habislah Tanah Pusaka Datuk Moyang ku

Ini antara Sifat Manusia yg Boros  
Pandai menghabiskan dari pandai mencari  
Bukti kegagalan Najib dalam 1MDB sudah menyerlah akhlak Najib  
Lebih Gaya dari Kenyataan

Juga Tahniah pada Najib  
Yang kini Nilai Ringgit Malaysia jatuh pada Taraf yg termurah sampai Money Changer  
Kehabisan Wang Ringgit Malaysia  
Syabas saya ucapkan kepada Pemimpin TerBodoh dalam sejarah Malaysia  
Najib memang Bandut UMNO

Najib Tidak Malu Miskin  
Tapi Beliau lebih Malu Jika tidak Berlagak Kaya  
Syabas Jib , Keep up yr Lousy Work



12. [Log in to Reply](#) **Tun Perak** [Dec 19,2016 9:33 PM](#)

Assalamualaikum,

Cash is King kalau cash tu mmg duit kita. Bila "Cash" di perolehi dengan cara pinjaman, yang menjadi King bukan Cash tapi pemiutang. Penghutang perlu cari pelbagai cara untuk bayar pinjaman. Bak orang kata, korek lubang , kambus lubang. Korek lubang lain, kambus lubang lain.

Ada macam-macam cara nak kambus lubang (bayar hutang).

(1) Jual segala yang ada, ada landasan keretapi, jual landasan keretapi. Ada power station, jual power station. Tetapi,..... sekiranya harga jual kurang dari harga bina atau harga beli....magnanya, lubang tak kambus penuh.

(2) Kurangkan subsidi, naikkan cukai, Kementerian-kementerian pula kena cari duit sendiri. Apa lagi, naikkan harga servis di Kementerian atas sebab customer servis, kurangkan subsidi gas untuk jana elektrik, kurang subsidi minyak masak, mansuh subsidi gula, kurang subsidi petrol. Sekolah tak cukup duit, gunakan PIBG, kutip duit dari ibu-bapa, buat derma itu derma ini... Senang kan jadi pentadbir kalau macam ni. Tapi kalau subsidi kurang, cukai tambah, hutang pula tambah dari 300 billion kepada 600 billion, macam mana? Lepas kurangkan subsidi dan tambah cukai, cari justifikasi pula. Mudah saja justifikasi – Negara lain lagi mahal harga, jadi turn Malaysia pula harga kena mahal. Hingga mana pula cukai boleh tambah dan subsidi boleh kurang? Lebih 50% orang muda tak menyokong kerajaan semasa. Sebabnya? Dulu, beli rumah sebab dah nak kawin, sekarang ni kena kawin dulu baru boleh joint loan beli rumah. Nak kawin, tak ada duit, pinjam untuk kawin...Rumah rakyat? Amat jauh dari tempat kerja. Kesian adik-adik sekarang ni. Sebenarnya jadi kerajaan pada hari ini mudah. Tak perlu pikir panjang-panjang.... Dengan justifikasi negara lain lagi mahal, diisytiharkan Malaysia perlu kurang sikit mahalunya dari negara lain.

(3) Cari institusi kewangan macam EPF atau KWAP atau Tabung Haji dan sebagainya untuk beli tanah dengan harga tinggi di tempat paling strategik. Of course lah, justifikasinya harga tanah semasa adalah seperti harga tersebut. Tabung Haji beli tanah harga RM 1,800 sekaki persegi. Tapi 1MDB yang jual tanah tersebut, beli tanah pada harga RM 60 sekaki persegi. Nasib baik, TH copek-copek jual balik tanah. sobabnya Tabung Haji beli tanah atas sobab bantu 1MDB kambus lubang. Simpan lamo-lamo tanah tak ada guno, confem subsidi haji kono out.

Cara-cara di atas adalah "halal" dan boleh digunakan. 1MDB is in better financial position today. But that does not answer the main question – Why did 1MDB money ended into MO1 personal account via several Malaysian Chinese intermediaries as accused by Department of Justice, USA, FBI and CIA, unchallenged and not sued by MO1 in court? Boleh Karl tolong jawab kenapa tak MO1 tak saman WSJ, Sarawak Report dan buat court injunction supaya cerita tu tak boleh lagi keluar dalam berita dan juga hartanah di Amerika dan negara-negara lain tidak boleh di rampas? Semudah itu saja sebenarnya justifikasi untuk halang berita "tak betul" dari tersebar luas... Tak susah sangat, buat je court injunction dan failkan saman.

13.  [Log in to Reply](#) **sc** Dec 19, 2016 9:07 PM

China is now Malaysia's Sugar Daddy. Malaysia will swap Malaysian assets for debt plus a little cherry on top for Najib....

Let us be brutally honest. If you sit in UMNO and support this Government, you do not realise that Najib has indeed sold control of Assets to the mainland Chinese to cover off his debt obligations?

He is pretty much dismantling the country and selling it off right under your noses and that debt to China will be serviced by the Rakyat... Yes even the Red Shirts, you too will pay through your noses for

Najib. Do any of you enjoy the pleasures of Najib and Jho Low's spoils in New York? No? But you support his loot yet get your measly free nasi lemak and bottled water? Imbeciles.... Thuggish imbeciles.

Lies covering up lies, Thievery covering more thievery. ...  
Malaysia is pretty much finished. A Failed State.

14.  [Log in to Reply](#) **Ingat Akhirat** [Dec 19,2016 6:44 PM](#)

Karl,  
Remember you posted about RUAG Swiss? It is a savior to our economy?  
Ha ha hah.....HA HA HAH HAH....  
That's a good joke you Karl dear....  
I can't stop laughing....

15.  [Log in to Reply](#) **Daniel Noor** [Dec 19,2016 5:26 PM](#)

Salam Tun

Ini juga sedang berlaku di Indonesia di mana China di beri kontrak utk bangunkn trek keretapi laju antara Jkt – Bdg.

Perbelanjaan utk projek ini akan di biayai oleh China juga dan paket2 utama akan di beri ke syarikat China

Mereka sudah mulai membawa ribuan pekerja dari China dan telah menyebabkan rakyat Indonesia yg ramai menggangur di ketepikan

Adakah ribuan pekerja2 China itu pakar dlm pembangunan trek keretapi atau separuh dr mereka itu di keluarkan dari penjara2 dan di beri kerja di projek tersebut

Dan saya YAKIN sekali process yg sama akan berlaku dgn projek Pantai Timur dan mungkin projek KL – Spore nanti.

16.  [Log in to Reply](#) **joetachi** [Dec 19,2016 4:37 PM](#)

Najib pinjam,  
KERAjaan jamin  
Rakyat bayar...!

adoiiyai...

17.  [Log in to Reply](#) **Karl Iskandar** [Dec 19,2016 4:16 PM](#)

Rekayasa Ekonomi DrM

DrM mungkin rasa bertuah kerana dapat saksi sendiri bagaimana dasar ekonomi berhutang beliau 1981-2003 membuahkan hasil yg menjadi duri lumayan dalam genggamannya PakLah dan Najib.

Eloklah juga DrM menulis entri kali ini, kerana kita pun baharu bayar hutang 30 tahun DrM pada kadar 10.6% dgn kerajaan Perancis pd tahun 1984. Heran juga, sedangkan masa tu ada negara lain offer kadar 6% sahaja.

Ada belakang kira ka?



18. [Log in to Reply](#) **Chu mat** Dec 19, 2016 3:54 PM

Assalamualaikum,

Datuk Najib dia padam wawasan 2020 dan ada wawasan sendiri 'WAWASAN 2021'.  
kenapa setahun je beza.



19. [Log in to Reply](#) **milshah** Dec 19, 2016 2:53 PM

Assalamualaikum Tun,

Bagi seseorang ahli politik yang hidupnya berprinsip "Cash is King", duit adalah penting.

Saya pernah menanyakan di manakah duit yang akan dicari sebagai warchest untuk PRU akan datang. Kalau harapkan duit kerajaan, tentulah sukar untuk disonglap kerana banyak red tape. Jadi cara yang paling mudah adalah dapatkan duit dari luar negara. Kalau ikutkan modus operandi '1MDB', duit diperolehi melalui bond issuance, sebelum dihantar ke luar negeri melalui multiple companies untuk elak dari dikesan.

Saya telah berkata teknik ini tidak mungkin berlaku buat kali ke 2, sebab nama Malaysia telah busuk sejak kes 1MDB. Pasti pihak berwajib luar negara akan check dengan teliti setiap transaksi dari Malaysia.

Tetapi sekarang ada pula cara menggunakan dana dari negara China. Pinjaman sebanyak RM50 billion telah dibuat. Tujuan pinjaman pun sama macam 1MDB iaitu untuk "national development". Lagipun duit yang dipinjam adalah dalam bentuk Yuan maka tidaklah melalui bank-bank barat untuk diteliti. Perlu juga diingat syarikat China yang telah mendapat kontrak untuk projek ECRL telah disenaraihitamkan oleh World Bank sebab terlibat dengan jenayah "Fraud".

Saya AMAT risau kita bakal kehilangan RM50 billion lagi selepas skandal 1MDB. Saya berharap pihak pembangkang akan meneliti dengan terperinci project ECRL ini. Syarikat mana yang dapat, pertalian dengan MO1, dsb. Sebolehnya biarlah project ECRL di bawah seliaan parliamen.

Duit yang diguna bukan kecil, RM50 billion dan prinsip MO1 adalah "Cash is King". Berhati-hatilah.

20.  [Log in to Reply faridina](#) [Dec 19,2016 1:25 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Pada hemah kami biarkan sahaja bapak angkat Jho Low ini meminjam dan terus meminjam untuk meninggalkan legasi sebagai Pee M Malaysia yang paling banyak menjana hutang luar negara ialah secara solo dekat RM160 billion gitu hebat lanun bugis ini.

Semua ini bisa digunakan sebagai modal kempen nanti dan kalau kita menang maka masih ada masa untuk membatalkan MOU kedua-dua projek maha mega ini.

Dari sekarang kita boleh menyediakan grafik2 menarik menunjukkan umpamanya antara kos keretapi elektrik KL-KB serta jangkaan harga tiket, jangkaan jumlah penumpang, jangkaan pulangan dan kos bayar balik jika dibandingkan dengan menaiki penerbangan tambang murah atau menaiki bas ekspres.

Kami yakin ini akan dapat membuka minda-minda pakcik dan makcik di kampung tambahan pula kita boleh momokkan pakcik makcik tentang banjiriran orang2 Cina dari tanah besar China yang akan menambahkan bilangan mereka dengan ketara sekali mungkin Kelantan dan Terengganu bakal jadi bukan negeri Melayu lagi!

Semua ini ada hikmahnya InsyaAllah.

Hidup Tun! Hidup Bersatu!

Wasalam Tun.

21.  [Log in to Reply Walinong Sari](#) [Dec 19,2016 12:47 PM](#)

eh orang umno kata ok le ianya membawa pembangunan

22.  [Log in to Reply WandyCaswady](#) [Dec 19,2016 12:41 PM](#)

Im not Wandy Mohammad Jedi...

But i am Wandy Caswady...

Please dont say that i didnt warn all of you politicians... Whether you are Umno.. pas.. dap.. pkr... Keadilan... Bn.. mca.. mic... I warn all of you leaders... Especially Najib.. pandikar amin... N the new agong...

I will send someone to kill some of you corrupted muslim n christians...

Please do your job well... Please resign if you think you are corrupted or working for the corrupted...  
But im sure i will forgive you n surely you will be alive if you do your job with honest...

"I order you to assist oppresed people, whether he is muslim or not"

-Prophet Muhammad SAW...

Please be careful if you are policemen... Do you all still remember Zahid Hamidi son in law died on  
dental chair last year?

So please remember... I warn all of you...

To all politician n all government force... Careful while you are sleeping... Careful when you are  
driving... Be careful when you eating...

While you take your pills for your health... Be careful... Coz it might kill you... Najib, Rosmah n all of  
you ministers... Guan Eng, Mazlan, Jamal Yunos... Nazri... Khairy Jamaludin...

Please do remember... You do not know how you will died tomorrow...

Dont say that i didnt give any warning to you all politicians... Dont care if you are retired or  
whatsoever... Please be carefull...

Or

Someone is going to kill you in anyway means necessary...

Rosly Dhobi is no hero? Think again wiseman...

Jazakumullahu khairan kathira...

Ps: this is just a bluff... Its up to you politicians to believe it or not... But do not say i didnt give any  
warning n signs to you... Tc

**© 2016 — All Rights Reserved.**

Source: <http://chedet.cc/?p=2368>